



Anwar di Masjid As-Salam selepas menunaikan solat Jumaat di Puchong Perdana, Puchong, semalam.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

'Menteri sedia ada memadai urusan ehwal Islam, agama lain'

Anwar tolak syor portfolio dipecahkan kepada dua

Oleh Fahmy A Rosli dan Hah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Puchong: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, anggota Kabinet yang dilantik bersama jawatankuasa sedia ada, sudah memadai untuk menguruskan ehwal Islam dan agama lain di Malaysia.

"Ada menteri agama, ada menteri perpaduan dan ada jawatankuasa harmoni yang mewakili semua kaum, semua agama di Malaysia. Jadi, saluran itu memadai," katanya.

Serentak itu, beliau yang ditemui pemberita selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid As-Salam, di sini, menolak cadangan portfolio Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) (Hal Ehwal Agama) dipecah kepada dua, masing-masing menjaga ehwal Islam dan bukan Islam.

Perdana Menteri memaklumkan, cadangan itu tidak diterima oleh Jemaah Menteri dan ia dilihat sebagai pandangan peribadi Ahli Parlimen Raub, Chow Yu Hui.

"Kenyataan Ahli Parlimen Raub itu suara peribadi, tidak dipersetujui oleh mana-mana da-

lam kerajaan, apa lagi dalam Jemaah Menteri. Soal pelantikan (menteri) ini, seperti yang kita tahu adalah budi bicara Perdana Menteri dan itu tidak termasuk dalam perkiraan," katanya.

Rabu lalu, Yu Hui ketika membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja di Dewan Rakyat, mencadangkan supaya portfolio Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama) dipecahkan kepada dua, iaitu khusus untuk Islam dan bukan Islam.

Ahli Parlimen DAP itu dilaporkan berkata, langkah itu penting bagi memperkukuh perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini dan memastikan tiada pihak yang terpinggir.

Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama) ketika ini ialah Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar, manakala Menteri Perpaduan ialah Datuk Aaron Ago Dagang.

Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama pula ditubuhkan pada 14 Ogos 2020 bagi menggantikan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA) yang diwujudkan pada 2010 dan berakhir pada 31 Disember 2019.

Ia platform bagi meningkatkan kefahaman pelbagai agama, membincangkan isu yang boleh menggugat keharmonian agama dan ketenteraman awam serta mencadangkan dasar kepada kerajaan berteraskan nilai agama.

Jawatankuasa itu dianggotai 30 ahli terdiri daripada tiga wakil kerajaan, 10 wakil agama Islam, masing-masing empat wakil aga-

ma Buddha dan Kristian, masing-masing dua wakil agama Hindu dan Taoisme, masing-masing seorang wakil agama Sikh, agama Baha'i dan daripada Unit Hal Ehwal Agama-Agama Lain (UNIFOR) Sarawak.

Tiga biro diwujudkan di bawahnya dalam mencari solusi dan penyelesaian isu berhubung keharmonian antara penganut agama, antaranya merungkai isu dan konflik berkait agama dalam kalangan masyarakat yang berpotensi mengancam perpaduan dan kesejahteraan.

Isu dibangkitkan secara peribadi

Di Putrajaya, jurucakap Kerajaan Perpaduan, Fahmi Fadzil pada sidang media selepas Mesyuarat Kabinet semalam, berkata DAP tidak pernah membangkitkan pemecahan portfolio hal ehwal agama, sebaliknya isu itu dibangkitkan secara peribadi oleh Ahli Parlimen Raub.

"Mengenai cadangan dibangkitkan Ahli Parlimen Raub, ia turut dibincangkan dalam mesyuarat (Jemaah Menteri semalam). Ia tidak pernah berbangkit, malah ketua-ketua parti sendiri menyatakan ia bukan pendirian mereka, tetapi pendirian peribadi.

"Ia juga bukan pendirian parti dan Kabinet tidak pernah membangkitkan perkara ini," katanya menambah Kementerian Perpaduan Negara mempunyai mekanisme melalui Jawatankuasa Harmoni bagi membincangkan isu berkaitan perpaduan kaum dan agama," katanya yang juga Menteri Komunikasi.